

**GARIS PANDUAN
PENGECUALIAN 100% DUTI EKSAIS KE ATAS
KENDERAAN NASIONAL BAGI ORANG KELAINAN UPAYA
(JENIS KETIDAKUPAYAAN/CACAT ANGGOTA/PERTUTURAN/PENDENGARAN)**

Pengenalan

Melalui Bajet 2011, Kerajaan telah memberi pengecualian 100% duti eksais ke atas sebuah kenderaan nasional (termasuk motosikal) kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mempunyai jenis ketidakupayaan/kecacatan anggota(fizikal)/pertuturan/pendengaran tertentu. Pengecualian ini adalah untuk membantu meringankan beban kewangan OKU yang ingin memiliki kenderaan bagi memudahkan pergerakan mereka. Pengecualian ini juga berkuatkuasa mulai 18 Oktober 2010.

Kriteria Kelayakan

- (i) Pemohon mestilah berdaftar sebagai OKU (jenis ketidakupayaan/kecacatan anggota(fizikal)/pertuturan/pendengaran) dan mempunyai sijil pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (ii) Pemohon mempunyai lesen memandu yang sah;
- (iii) Kenderaan hendaklah dibeli daripada stok yang masih belum dibayar duti/cukainya; dan
- (iv) Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar hak milik sehingga tamat tempoh 5 tahun kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Perbendaharaan; dan
- (v) Pengecualian hanya diberikan bagi sebuah kenderaan dalam tempoh 5 tahun.

Prosedur Permohonan

Mengemukakan permohonan secara *online* berserta dokumen yang diperlukan melalui laman web <http://smpc.treasury.gov.my>

(u.p: Puan Syakirah bt. Md. Nor / Puan Zuliana Binti Tae)

Tel: (603)-8882 4358 / (603)-8882 3373

Faks: (603)-8882 3885

Email: syakirah@treasury.gov.my

zuliana.tae@treasury.gov.my

Lampiran I

Prosedur Permohonan Pengecualian 100% Duti Eksais Ke Atas Kenderaan Nasional Bagi Orang Kelainan Upaya (Jenis Ketidakupayaan/Cacat Anggota/Pertuturan/Pendengaran) Secara Online.

- A. Terlebih dahulu, pemohon perlu mengakses kepada manual pengguna untuk mendapatkan modul permohonan secara *online*. Langkah-langkah untuk mengakses kepada manual pengguna adalah seperti berikut:
- (i) Melayari laman web Perbendaharaan Malaysia di alamat www.treasury.gov.my.
 - (ii) Di bawah **Sistem Aplikasi**, klik pada **Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC)**.
 - (iii) Pilih muat turun manual pengguna dan klik pada **Modul Pengecualian 100% Duti Eksais Ke Atas Kenderaan Nasional Bagi Orang Kelainan Upaya**
- B. Pemohon perlu melayari <http://smpc.treasury.gov.my> bagi membuat permohonan pengecualian duti/cukai. Prosedur permohonan adalah seperti berikut:
- (i) Pilih ikon permohonan **Galakan Percukaian**, seterusnya skrin log masuk akan dipaparkan
 - (ii) Pemohon perlu memasukkan no. kad pengenalan diri dan kata laluan
 - (iii) Kata laluan yang digunakan boleh diperolehi daripada e-filling atau digicert.
 - e-filling adalah kata laluan yang diperolehi sekiranya tuan/puan berdaftar sebagai pembayar cukai secara *online* dengan LHDN. Kata laluan untuk permohonan ini menggunakan kata laluan e-filling tersebut.
 - Sekiranya tuan/puan tidak mempunyai kata laluan e-filling, tuan/puan perlu mendapatkan kata laluan untuk permohonan orang kelainan upaya seperti yang diterangkan di dalam laman web SMPC.
 - Setelah berjaya mengakses Sistem Maklumat Pengurusan Cukai, tuan/puan boleh mengisi dan menghantar maklumat di dalam borang permohonan yang berkaitan. Jika terdapat sebarang pembetulan maklumat di dalam permohonan yang telah dihantar, pemohon hendaklah segera memaklumkan kepada pegawai yang berkenaan di Bahagian Analisa Cukai.
- C. Para pemohon digalakkan mengemukakan permohonan secara *online* bermula Ogos 2010. Walaubagaimanapun, mulai 1 Januari 2011, hanya permohonan secara *online* akan diterima.

Dokumen-Dokumen Sokongan Yang Perlu Disertakan

1. Borang Perakuan Doktor (BORANG OKU 2)
2. Salinan Kad pengenalan (muka depan dan belakang)
3. Salinan Kad Pendaftaran Diri OKU (muka depan dan belakang)
4. Surat Pengesahan Pendaftaran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat
5. Salinan Lesen Memandu (muka depan dan belakang)
6. Surat dari agen kenderaan yang mengandungi maklumat berikut:
 - (i) Jenis/Model Kenderaan
 - (ii) No. Casis
 - (iii) No. Enjin
7. Salinan sebut harga kenderaan

Perhatian:

*Salinan dokumen perlu diakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A atau Pesuruhjaya Sumpah.

BORANG PERAKUAN DOKTOR

(Alamat Klinik / Hospital)


.....
.....
.....

Pengesahan Pemeriksaan Perubatan Mengenai Jenis Ketidakupayaan Cacat Anggota (Fizikal) / Pendengaran / Pertuturan OKU Bagi Tujuan Permohonan Pengecualian 100% Duti Eksais Ke Atas Kenderaan Nasional

- 1. Nama OKU :
- 2. No K/P :
- 3. Jantina : Lelaki Perempuan
- 4. Bahagian anggota yang mengalami ketidakupayaan/kecacatan:

.....

Sila lakarkan dalam gambar rajah di bawah :



- 5. Jenis ketidakupayaan/kecacatan yang di alami (terangkan keadaannya):

.....
.....

6. Sejak bila ketidakupayaan/kecacatan dialami :

.....

7. OKU di atas boleh memandu kenderaan seperti berikut :

Kenderaan biasa yang diubahsuai ; atau

Kenderaan khas orang cacat ; atau

Kenderaan biasa (Manual); atau

Kenderaan biasa (automatik)

Dengan ini adalah disahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan Doktor / Pegawai Perubatan)

Nama :

Cop Rasmi :

No. Tel :

Tarikh :